

Penyelidikan timun laut wajar disalur semula

48 17.3.2018 B1

HASIL penyelidikan kaedah pembenihan timun laut wajar disalurkan semula kepada masyarakat di negeri ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Shahril

Yusof berkata, dana penyelidikan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dikembalikan semula kepada masyarakat menerusi penyaluran ilmu pengetahuan kepada penduduk kampung.

“Ini lebih penting kerana

sekarang ini pendekatan penyelidikan digalakkan bercorak sedemikian.

“Kita perlu menghasilkan benih timun laut atau balat kerana sekiranya kita sekadar ambil daripada sumber asal, ia tidak akan lestari,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penutupan Bengkel Pembenihan Timun Laut anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang berlangsung selama dua hari di Kampung Limau-Limauan, Kudat.

Bagi membantu usaha itu, pihaknya juga mahu menjadikan Kampung Limau-Limauan sebagai kampung angkat IPMB dalam bidang akuakultur.

Menerusi bengkel berkenaan jelasnya, setiap peserta berpeluang mempelajari teknik-teknik pembiakan aruhan dan penghasilan benih timun laut.

Katanya, selain daripada latihan praktikal, para peserta juga diberikan kuliah khususnya dalam

menjelaskan kepentingan pengurusan secara mampan sumber semula jadi timun laut di negeri Sabah.

Beliau turut dibawa melawat tapak Pusat Penetasan Timun Laut yang terletak 100 meter dari kawasan pantai kampung berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) IPMB UMS Prof Madya Sitti Raehanah Muhamad Shaleh berkata, seramai 17 peserta yang terdiri dari penternak timun laut menyertai bengkel berkenaan.

Katanya, penganjuran bengkel yang melibatkan komuniti nelayan dan penternak timun laut adalah satu keperluan yang disyaratkan oleh penaja projek.



SHahril (duduk, enam kiri) bergambar bersama penternak timun laut yang mengikuti bengkel itu.